**SIARAN MEDIA**
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

# SYARIKAT - SYARIKAT DIDENDA KERANA KEGAGALAN MENGHADAPKAN PENYATA-PENYATA CUKAI PENDAPATAN

Tarikh: 29hb November 2021

1. Selaras dengan usaha Kementerian Kewangan dan Ekonomi untuk meningkatkan tahap pematuhan syarikat-syarikat, dua syarikat tempatan telah diarahkan untuk membayar denda setelah wakil syarikat-syarikat tersebut mengaku bersalah di Mahkamah Majistret kerana gagal mematuhi Seksyen 52(1) Akta Cukai Pendapatan (Penggal 35).

2. Pada bulan September 2021, Famous Textile Sdn Bhd telah dikenakan denda sebanyak BND5,000 kerana gagal menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31hb Disember 2014, 2015, 2016, 2017 dan 2018.

3. Seterusnya, pada bulan November 2021, Europart Automotive (B) Sdn Bhd telah dikenakan denda sebanyak BND3,000 kerana gagal menghadapkan Penyata-Penyata Cukai Pendapatan bagi Tahun-Tahun Kewangan yang berakhir pada 31hb Disember 2016, 2017 dan 2018.

4. Bahagian Hasil, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita ingin mengingatkan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, Penggal 39 untuk menghadapkan Penyata Cukai Pendapatan masing-masing selewat-lewatnya pada 30hb Jun bagi Tahun Taksiran yang berkenaan. Kegagalan untuk menghadapkannya adalah satu kesalahan di bawah Akta Cukai Pendapatan, Penggal 35 yang mana jika didapati bersalah boleh dikenakan denda sebanyak BND10,000 dan jika gagal membayar akan dipenjarakan selama 12 bulan.

Bahagian Hasil
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam

**PRESS RELEASE**
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

# LOCAL COMPANIES FINED FOR FAILURE TO SUBMIT INCOME TAX RETURNS

Date: 29th November 2021

1. In line with the Ministry of Finance and Economy's efforts to raise the level of compliance among companies, two local companies were ordered to settle fines after their representatives pleaded guilty at the Magistrate's Court to failing to comply with Section 52(1) of Income Tax Act (Section 35).

2. In the month of September 2021, Famous Textile Sdn Bhd was fined a sum of BND5,000 for having failed to file Income Tax Returns for the Financial Years ending on 31st December 2014, 2015, 2016, 2017 and 2018.

3. As for in the month of November 2021, Europart Automotive (B) Sdn Bhd was fined a sum of BND3,000 for having failed to file Income Tax Returns for the Financial Years ending 31st December 2016, 2017 and 2018.

4. Revenue Division, Ministry of Finance and Economy would like to remind companies registered under the Companies Act, Cap. 39 to submit their Income Tax Returns by 30th June of the relevant Year of Assessment. Failure to submit is an offence under the Income Tax Act, Cap.35, which, upon conviction, is liable to a fine of BND10,000 and in default of payment to imprisonment for 12 months.

Revenue Division
Ministry of Finance and Economy
Negara Brunei Darussalam